

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa sebelum Kedatangan Barat

- 1 Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu telah wujud sebelum kedatangan Barat.

Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu terdiri daripada

(BUKU TEKS m.s. 4)

- I Rakyat
- II Agama
- III Kesenian
- IV Wilayah pengaruh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 2 Kerajaan Alam Melayu mengamalkan undang-undang.

Apakah kepentingan undang-undang kepada sesebuah kerajaan?

(BUKU TEKS m.s. 4)

- I Kebanggaan kerajaan
- II Kesejahteraan negara
- III Panduan pentadbiran
- IV Pengambilan pegawai
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 3 Raja Champa dianggap sebagai pemerintah yang suci.

Baginda sering dikaitkan dengan

(BUKU TEKS m.s. 4)

- A Dewa Siva
- B Tuhan Alam
- C Dewa Vishnu
- D Tuhan Langit

- 4 Gambar berikut menunjukkan inskripsi Telaga Batu dalam kerajaan Srivijaya.



Dalam suatu upacara, air dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu dan mengalir di corong di bawahnya. Air tersebut ditadah dan diminum oleh rakyat. Mengapakah rakyat Srivijaya berbuat demikian?

(BUKU TEKS m.s. 4-5)

- A Mematuhi peraturan
- B Mentaati pemerintah
- C Mengeratkan hubungan
- D Mengelakkan malapetaka

- 5 Kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas meliputi Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar, dan Segenting Kra. Apakah maksud wilayah pengaruh?

(BUKU TEKS m.s. 4)

- A Kawasan pegangan
- B Wilayah pentadbiran
- C Wilayah yang menerima perlindungan seseorang raja
- D Kawasan yang rakyatnya memperakui pemerintahan seseorang raja.

- 6 Undang-undang diguna pakai di seluruh wilayah pengaruh sesebuah kerajaan.

Apakah undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan Majapahit?

(BUKU TEKS m.s. 4)

- A Manu
- B Ramayana
- C Mahabharata
- D Kutara Manawa

- 7 Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu berkembang dan diwarisi oleh kerajaan selepasnya.

Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Srivijaya telah diwarisi oleh kerajaan

(BUKU TEKS m.s. 5)

- A Funan
- B Champa
- C Kedah Tua
- D Kesultanan Melayu Melaka

1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

- 8 Ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka menggambarkan pembentukan negara bangsa yang kukuh.

Antara berikut, yang manakah ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka?

(BUKU TEKS m.s. 6-7)

- I Kedaulatan
- II Ketenteraan
- III Sistem pendidikan
- IV Lambang kebesaran
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 9 Maklumat berikut merujuk kepada Kesultanan Melayu Melaka.

- Lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan
- Hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah

Apakah konsep yang boleh dikaitkan dengan perkara tersebut? (BUKU TEKS m.s. 4)

- A Kerajaan
B Kedaulatan
C Undang-undang
D Lambang kebesaran

- 10 Laksamana Cheng Ho mengetuai utusan kerajaan Dinasti Ming ke Melaka pada awal abad ke-15.

Apakah tujuan utusan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 6)

- A Mengeratkan hubungan
B Memulakan perdagangan
C Membekalkan tenaga buruh
D Meminta bantuan ketenteraan

- 11 Cap mohor merupakan alat kebesaran Kesultanan Melayu Melaka. (BUKU TEKS m.s. 7)

Apakah fungsi cap mohor?


- A Melindungi sultan
B Mengesahkan arahan sultan
C Mengiktiraf kedudukan sultan
D Mengukuhkan kekuasaan sultan

- 12 Apakah perkaitan wilayah berikut dengan Kesultanan Melayu Melaka? (BUKU TEKS m.s. 7)

- Kedah
- Lingga
- Patani

- A Negeri setaraf
B Negeri taklukan
C Wilayah naungan
D Wilayah pegangan

- 13 Peta berikut menunjukkan wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka. (BUKU TEKS m.s. 9)



Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah pengaruh yang luas? (BUKU TEKS m.s. 7)

- I Penaklukan
II Perkahwinan
III Perdagangan
IV Persahabatan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 14 Senarai berikut merujuk kepada lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka. (BUKU TEKS m.s. 7)

- Nobat
- Regalia
- Cap mohor

Apakah kepentingannya kepada Kesultanan Melayu Melaka?

- I Identiti kerajaan
II Simbol kedaulatan
III Tanda keistimewaan
IV Lambang perpaduan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

13 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

- 15 Senarai berikut merupakan undang-undang bertulis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. (BUKU TEKS m.s. 10 - 11)

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

Apakah kepentingan undang-undang tersebut kepada Kesultanan Melayu Melaka?

- I Melindungi rakyat
II Mengukuhkan kerajaan
III Menarik kemasukan imigran
IV Menyekat penjajahan kuasa asing
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 16 Sultan Melaka memberikan kuasa kepada para Pembesar Berempat untuk mentadbir sesuatu wilayah, pulau atau sungai.

Kawasan pentadbiran tersebut dipanggil (BUKU TEKS m.s. 8)

- A wilayah taklukan
B wilayah naungan
C kawasan kurniaan
D kawasan pegangan

- 17 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang tersusun.

Sistem pentadbiran tersebut dikenal sebagai (BUKU TEKS m.s. 8)

- A Pentadbiran Berpusat
B Pentadbiran Berempat
C Pembesar Enam Lipatan
D Pembesar Empat Lipatan

- 18 Senarai berikut menunjukkan Pembesar Berempat dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- Bendahara
- Penghulu Bendahari
- Temenggung
- Laksamana

Laksamana berperanan sebagai (BUKU TEKS m.s. 9)

- A pengutip cukai
B pemangku sultan
C panglima angkatan laut
D penjaga keselamatan kota

- 19 Rajah berikut menunjukkan sistem peritadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah tugas Bendahara?

(BUKU TEKS M.S. 9)

- I Pengutip cukai
 - II Ketua pentadbir
 - III Pemangku sultan
 - IV Ketua angkatan laut
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 20 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang kemas. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan kota Melaka?
- (BUKU TEKS M.S. 9)
- A Laksamana
 - B Bendahara
 - C Temenggung
 - D Penghulu Bendahari
- 21 Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala cukai dan ufti daripada wilayah taklukan dan naungan. Pembesar yang bertanggungjawab menguruskan perbendaharaan secara teratur ialah
- (BUKU TEKS M.S. 9)
- A Bendahara
 - B Laksamana
 - C Temenggung
 - D Penghulu Bendahari
- 22 Dalam Hukum Kanun Melaka, Fasal 4 menyatakan sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan dikenakan hukuman.

Apakah hukuman yang dikenakan?

(BUKU TEKS M.S. 10)

- A Dibuang negeri
- B Hukuman bunuh
- C Dijadikan hamba
- D Hukuman penjara

- 23 Kesultanan Melayu Melaka memberi perhatian terhadap isu kekeluargaan. Apakah tujuan undang-undang keluarga diwujudkan?

(BUKU TEKS M.S. 10)

- I Meningkatkan taraf hidup keluarga
- II Menyelesaikan masalah perkahwinan
- III Mewujudkan keharmonian dalam keluarga
- IV Mengelakkan masalah kewangan dalam keluarga
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 24 Petikan berikut terkandung dalam Undang-Undang Laut Melaka.

"... perundingan harus dilakukan oleh nakhoda dengan anak-anak kapal dan penumpang sekiranya berlabuh di pelabuhan yang tidak ada dalam senarai persinggahan."

*Undang-Undang Laut Melaka
Bab 20 halaman 45*

Mengapakah nakhoda perlu berbuat demikian?

(BUKU TEKS M.S. 12)

- A Mematuhi arahan
 - B Menjamin keselamatan
 - C Mengeratkan hubungan
 - D Mendapatkan persetujuan
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan seseorang pegawai dalam kapal semasa pelayaran.

- Arif tentang ilmu pelayaran
- Mengetahui keadaan ombak dan arus
- Mengetahui kedudukan bulan dan bintang

Pegawai yang dimaksudkan ialah

(BUKU TEKS M.S. 13)

- A malim
- B nakhoda
- C jurubatu
- D jurumudi

- 26 Undang-undang berikut telah diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

Apakah kesan pelaksanaan undang-undang tersebut terhadap Kesultanan Melayu Melaka?

(BUKU TEKS M.S. 13)

- I Keselamatan terjamin
- II Hukum adat terhapus
- III Pengaruh asing berleluasa
- IV Kemakmuran berkembang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Peranan Pemerintah dan Rakyat

- 27 Hubung kait pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka selaras dengan konsep waadat. Apakah maksud waadat?

(BUKU TEKS M.S. 12)

- A Arahan
- B Perintah
- C Perjanjian
- D Kedaulatan

- 28 Sistem berikut diamalkan oleh masyarakat Kesultanan Melayu Melaka.

- Sistem serah
- Sistem kerah

Amalan tersebut menunjukkan rakyat

(BUKU TEKS M.S. 12)

- A rajin bekerja
- B hidup bersatu padu
- C taat setia kepada pemerintah
- D tonggak kemakmuran negara

29 Rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka mematuhi segala arahan raja. Apakah akibat seseorang yang menderhaka kepada raja?

BURUH TERPAKSA

- A Ditimpa tulah
- B Dibuang negeri
- C Dijadikan tentera
- D Dijadikan buruh paksa

30 Petikan berikut berkaitan dengan masyarakat Kesultanan Melayu Melaka.

"Rakyat itu umpama akar, raja itu umpama pohonnya; jikalau tiada akar, nescaya pohon tiada akan dapat berdiri."

Sumber: W.G. Shellabear, 1995. Sejarah Melayu

Apakah yang digambarkan melalui petikan tersebut?

BURUH TERPAKSA

- A Raja melindungi rakyat
- B Rakyat mematuhi arahan raja
- C Hukuman terhadap penderhaka
- D Hubungan baik pemerintah dengan rakyat